

27 JAN 1996

Najib - Internet

## SEKOLAH AKAN DIHUBUNG DENGAN INTERNET

PEKAN, 27 Jan (Bernama) -- Sekolah-sekolah pada masa depan akan dilengkapi dengan program pusat sumber elektronik yang dihubungkan dengan Internet bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Katanya, pada peringkat permulaan sebuah sekolah dipilih di setiap negeri untuk dibekalkan dengan program itu dan pada akhirnya semua sekolah akan dapat menikmati program ini.

Pelancaran peringkat nasional program itu akan dilakukan olehnya di Sekolah Menengah Ahmad, di sini Mac ini, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pemuafakan Pendidikan peringkat daerah Pekan, di Jabatan Pendidikan Daerah di sini.

Katanya, beliau juga mahukan setiap daerah di negara ini mewujudkan Majlis Pemuafakan Pendidikan di daerah masing-masing dengan melibatkan pemimpin-pemimpin tempatan mengadakan program-program membantu pelajar dalam meningkatkan pencapaian pelajaran.

"Melalui konsep ini kita akan dapat melahirkan institusi peringkat daerah yang boleh bertindak sebagai badan atau mekanisme dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tempatan tentang pendidikan dan bertindak melaksanakan beberapa program untuk membantu kementerian," katanaya.

Menurutnya, kementerian menyarankan penubuhan majlis itu yang mendokong konsep memupuk kerjasama dan sokongan lebih mantap daripada masyarakat tempatan bagi meningkatkan penglibatan dan kesedaran tentang pentingnya bidang pendidikan.

Katanya, taraf pencapaian pendidikan hanya boleh ditingkatkan sekiranya segenap lapisan masyarakat, pemimpin tempatan, ibu bapa dan badan swasta turut sama melibatkan diri dalam usaha ini secara bersungguh-sungguh.

Mengenai keputusan mesyuarat majlis, Najib, yang juga Anggota Parlimen Pekan, berkata mesyuarat antara lain telah mengenalpasti melalui Jabatan Pendidikan Daerah Pekan bilangan pelajar yang boleh mencapai tahap cemerlang dalam peperiksaan tahun ini dan telah merangka program untuk mereka mencapai sasaran itu.

Katanya, 101 pelajar dikenalpasti boleh mencapai 4A dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, 240 pelajar boleh mencapai antara 5A dan 8A dalam Penilaian Menengah Rendah dan 270 pelajar boleh mendapat pangkat 1 dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

Katanya, semua sekolah terbabit diminta memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar ini di samping turut memberi perhatian kepada pelajar-pelajar lain. Penekanan juga mesti diberikan kepada mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik yang masih lemah di kalangan pelajar.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Presiden Majlis Aids Malaysia, Marina Mahathir yang menyebut terdapat kira-kira 500 pelajar menghidap Aids, Najib berkata, beliau tidak fikir masalah seumpama itu boleh diselesaikan dengan menjadikan seks sebagai mata pelajaran khusus.

"Ia memerlukan perjuangan menyeluruh kerana murid berada di sekolah kira-kira lapan jam sahaja ... peranan ibu bapa penting. Sesetengah ibu bapa memberi kebebasan tanpa sekatan kepada anak-anak dan tidak tahu apa yang anak mereka lakukan," katanya.

Beliau berkata pelajar telah diberi pendidikan tentang pencegahan Aids dalam kurikulum biasa dalam bab kesihatan.

Katanya, pelajar yang dikatakan menghidap Aids itu perlu dikenalpasti terlebih dahulu dan kementerian akan mengambil langkah berdasarkan laporan

perubatan. -- Bernama.